

05 JUL 2002

Abdullah-Pas

PAS MAHU RAKYAT BENCI PEMIMPIN KERAJAAN, KATA ABDULLAH

PUTRAJAYA, 5 Julai (Bernama) -- Tujuan pemimpin PAS menghentam dan menyerang peribadi pemimpin Umno adalah supaya rakyat membenci pemimpin-pemimpin Umno, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Ini adalah cara Pas, cara Pas adalah cara "serangan peribadi", cara hendak hentam, hendak serang peribadi pemimpin Umno. Mereka mahu supaya rakyat membencikan kita, jadi dengan itu mereka cakap yang bukan-bukan... tidak ada sempadan, tidak ada had, tidak ada lagi orang kata... tak sopan lagi dah, cakap ikut suka," katanya.

Perbuatan pemimpin-pemimpin parti lawan itu, katanya melambangkan kebencian pemimpin Pas terhadap para pemimpin negara dan mereka mengharapkan rakyat juga akan turut serta dengan ideologi mereka itu.

"Ini melambangkan mereka benci kita dan mengharapkan rakyat sama-sama bencikan pemimpin negara, khususnya Dr Mahathir (Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad), saya dan ramai lagi.

"Itu cara politik mereka... mana ada mereka menyatakan sesuatu yang mereka hendak buat kalau mereka diberi peluang untuk memerintah (negara)," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan Menteri Pembinaan dan Pengangkutan Korea Selatan, Lim In-Taik di pejabatnya di sini, hari ini.

Abdullah berkata pemimpin Pas cuma berkata yang mereka ingin membuat sesuatu yang baik untuk Islam "tetapi sehingga hari ini tidak ada bukti dengan pimpinan Pas di Kelantan dan Terengganu."

Keadaan di kedua-dua negeri itu masih mundur dan terdapat banyak kekurangan.

"Jadi kalau kita cakap pasal Islam sebenarnya Umno lebih banyak jasanya kepada Islam kerana Umno berjuang untuk mendapatkan kuasa politik dan kuasa politik itu digunakan untuk membuat baik untuk agama, bangsa dan negara.

"Kita tidak memperalatkan agama kita... menggunakan hadis, menggunakan ayat Quran untuk membolehkan kita dapat undi dan sokongan rakyat. Itu adalah satu perbuatan yang tidak baik dan tidak boleh diterima... mengeksploitasi agama untuk mendapat sokongan politik," katanya lagi.

Ditanya mengenai langkah Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang menyiarkan kelakuan pemimpin Pas, Abdullah berkata langkah itu membolehkan rakyat menilai sendiri parti pembangkang kerana mungkin rakyat tidak tahu apa yang pemimpin Pas kata dan apa yang mereka tulis.

"Biarlah rakyat tahu supaya rakyat boleh menilai kepimpinan mereka (pemimpin Pas), peribadi mereka, cara mereka. Rakyat Malaysia bukan mudah diperbodohkan, mereka pandai, mereka pun bijak, mereka tahu apa yang baik dan apa yang tidak baik," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata beliau tidak menghalang tindakan-tindakan yang diambil oleh RTM kerana RTM tahu apa yang baik dan apa yang buruk.

"Mereka menyebarkan berita dan apa juga berita yang mereka anggap rakyat perlu tahu, perkara itu penting untuk rakyat membuat keputusan, membuat penilaian... saya serahkan kepada RTM untuk membuat pertimbangan dan putuskan tentang apa yang perlu disiarkan," katanya.

-- BERNAMA

SR HS PR